

UPM e-Klinik sedia khidmat perubatan secara online

21 JUN 2003
BH

PELAJAR dan kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta masyarakat sekitar kawasan universiti itu kini boleh menikmati kemudahan perubatan secara online melalui pengenalan sistem maklumat komprehensif dan lengkap, iaitu UPM e-Klinik.

Ketua Pegawai Operasi, XYBASE MSC (M) Sdn Bhd (XYBASE MSC), Zainuddin Georges Abdullah berkata, sistem UPM e-Klinik yang dibangunkan sebagai aplikasi berasaskan web beroperasi 24 jam, tujuh kali seminggu dan beroperasi sepanjang tahun boleh diakses melalui UPM Intranet.

Katanya, sistem ini membolehkan perundingan klinik dan proses perubatan dilakukan tanpa mem-

babitkan banyak kertas, bermula daripada maklumat pesakit, menetapkan temu janji, pemeriksaan bekalan ubat sehingga laporan secara online.

"Daripada bertindak menulis arahan X-ray dalam borang dan menyuruh pesakit menghantarnya ke jabatan X-ray, juru radiografi boleh mengakses arahan melalui aplikasi UPM e-Klinik itu.

"Dengan ini pengguna tidak perlu membawa rekod atau kad klinik ke satu bahagian klinik ke bahagian lain kerana semua rekod perubatan disimpan dalam pangkalan data UPM e-Klinik, sekali gus ini memastikan maklumat sentiasa dikemas kini dan selamat," katanya.

Sistem UPM e-Klinik mengandungi sembilan sistem kecil, iaitu sistem pengurusan pesakit (PMS), sistem pengurusan maklumat farmaseutikal (PhIMS), sistem pengurusan sumber (RMS), sistem pengurusan maklumat makmal (LIMS), sistem pengurusan maklumat radiologi (RIMS), sistem pengurusan maklumat statistik (SIMS), sistem pengurusan giliran pesakit (PQMS), sistem pengurusan panggilan (CMS) dan modul pemeriksaan perubatan.

Untuk memantapkan operasi sistem ini, ia memanfaatkan sistem pelayan Sun Fire 280R yang beroperasi pada sistem operasi Sun Solaris 8 bersama Oracle 9i RDBMS serta sistem pelayan Orion Application.

Keseluruhan sistem itu dibangun menggunakan Oracle 9i J Developer.

Zainuddin berkata, kini sistem itu hanya menyediakan perkhidmatan untuk perundingan perubatan dan pergigian dan berintegrasi dengan sistem pembayaran gaji dan sumber manusia (IHRAMS), sistem maklumat pelajar (SMP) dan sistem laporan statistik (EIS).

"Untuk membolehkan sistem UPM e-Klinik ini beroperasi dengan lancar, kami sedang mengadakan program latihan secara komprehensif bagi memastikan pegawai terpilih mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi untuk mengguna serta mengendalikannya," katanya.